

KEMENTERIAN KESIHATAN,
JALAN CE DERASARI,
KUALA LUMPUR.

Tel: 955077

Ruj: (18) dlm KKM 82/2/6

hb Ogos 1984

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan
Negeri

Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Sabah

Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Sarawak

Semua Pengarah Yayasan

PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN NO. 2/1984

Jawatankuasa Latihan di peringkat Negeri dan Hospital

Pekeliling ini bertujuan meningkatkan lagi pelaksanaan dan penyelarasan program latihan terutama sekali program lepasijazah yang dijalankan di peringkat Negeri atau hospital.

2. Malapung Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 39/1978 bertarikh 22hb November 1978 telah dikeluarkan, masih terdapat beberapa kekurangan dan kelemahan dalam program latihan yang dijalankan di peringkat Negeri atau hospital. Registan-kegiatan pendidikan yang dirancang dan seterusnya dikendalikan oleh pentadbiran Negeri atau hospital masih tidak mencukupi atau kurang mendapat perhatian dari pentadbiran atau pegawai-pegawai kanan yang berkenaan. Kemudahan-kemudahan dan peraturan-peraturan mengenai latihan masih tidak memuaskan.

3. Untuk meningkatkan lagi program latihan di peringkat Negeri dan hospital, Pengarah-pengarah Negeri perlu menubuhkan Jawatankuasa Latihan di peringkat Negeri dan hospital.

3.1 Jawatankuasa Latihan di peringkat Negeri

Fungsi Jawatankuasa

- (a) Membantu Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan dalam merancang program latihan yang sesuai yang akan dijalankan di satu-satu Negeri;

- (b) Membantu Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri dalam pembangunan kemudahan-kemudahan latihan dalam Negeri dan institusi-institusi yang berkenaan;
- (c) Menyelaras program-program latihan yang dijalankan dalam Negeri dan institusi-institusi yang berkenaan; dan
- (d) Mengesan dan mengkaji pelaksanaan program latihan dalam Negeri dan di-institusi-institusi yang berkenaan.

Ahli-ahli Jawatankuasa

Pengarah Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan Negeri	..	Pengerusi
Timbalan Pengarah (Hospital)	..	Ahli
Timbalan Pengarah (Kesihatan)	..	Ahli
Ketua-ketua Jabatan Klinikal, Hospital Besar	..	Ahli
Penguasa Perubatan/Pegawai Perubatan yang Menjaga Hospital	..	Ahli

Pegawai-pegawai lain boleh diundang turut hadir jika perlu.

3.2 Jawatankuasa Latihan Lepasijazah di Peringkat Hospital

Fungsi Jawatankuasa

- (a) Membantu Penguasa Perubatan/Pegawai Perubatan yang menjaga Hospital melaksanakan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Latihan di peringkat Negeri;
- (b) Membantu Penguasa Perubatan/Pegawai Perubatan yang Menjaga Hospital dalam penempatan pegawai-pegawai bagi maksud latihan;
- (c) Membantu Penguasa Perubatan/Pegawai Perubatan yang Menjaga Hospital dalam pembangunan kemudahan-kemudahan latihan;
- (d) Menyelaras kegiatan-kegiatan latihan di peringkat hospital;
- (e) Mengesan dan mengkaji dari semasa ke semasa perjalanan program latihan; dan
- (f) Mendapatkan kerjasama semua pihak dalam menjayakan program latihan.

4. Arahan yang terkandung dalam Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta-merta dan semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan adalah diminta mengambil tindakan yang perlu. Pengarah Latihan & Tenaga Manusia di Kementerian ini adalah bertanggungjawab atas pelaksanaan Pekeliling ini. Segala pertanyaan hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah Kesihatan,
(u.p. Pengarah Latihan & Tenaga Manusia)
Kementerian Kesihatan,
Bangunan MMA,
124 Jalan Pahang,
Kuala Lumpur.

Tel: 986737.

5. Dengan ini Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 39/1978 bertarikh 22hb November 1978 adalah dibatalkan.

40

(DATUK (DR) ABDUL KHALID BIN SAHAN)
Ketua Pengarah Kesihatan.

s.k. Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan.

Semua Ketua Bahagian,
Kementerian Kesihatan.

-/pr